

10 SEP 2002

Rogol-Pegum/I

PEGUAM M'SIA DILANTIK UNTUK MANGSA DIDAKWA DIROGOL

MANILA, 10 Sept (Bernama) -- Filipina hari ini melantik seorang peguam Malaysia bagi mewakili rakyatnya, seorang gadis berusia 13 tahun, yang didakwa dirogol oleh polis Malaysia di Sabah.

Gordon Jones dilantik oleh kedutaan Filipina di Kuala Lumpur selepas Malaysia menyokong usaha Manila untuk mengambil tindakan terhadap kes itu.

Gerak balas Malaysia itu dibuat selepas Presiden Gloria Arroyo menyuarakan rasa marahnya terhadap kejadian itu yang dinyatakannya dalam sepucuk surat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kemudiannya mengarahkan siasatan serta-merta terhadap dakwaan itu.

Gadis itu yang identitinya dirahsiakan, mendakwa dirogol oleh anggota polis Malaysia di pusat tahanan di Sabah sebelum dihantar pulang ke Tawi-Tawi.

Sementara itu, ketua majoriti senat Loren Legarda hari ini meminta Arroyo memasukkan seorang waris Sultan Sulu dalam majlis yang ditubuhkan oleh presiden bagi menangani tuntutan negara itu ke atas Sabah.

"Pelantikan Sultan Jamalul Kiram III, seorang daripada waris Sultan Sulu, bagi mewakili sektor swasta dalam majlis tuntutan Sabah wajar ditimbang dengan serius," katanya pada sidang media.

Beliau berkata tuntutan kerajaan terhadap Sabah adalah berdasarkan kepada kepentingan harta keluarga.

Majlis itu yang disusun semula menerusi perintah eksekutif dan ditandatangani Arroyo pada 2 Sept, dianggotai masing-masing lima anggota Kabinet, anggota kongres, senator dan tiga wakil sektor swasta.

-- BERNAMA

ALJ AHH LAT